Published every March and September
p-ISSN 2302-5808, e-ISSN 2684-7388
Jurnal Kajian Sejarah & Pendidikan Sejarah
SUSURGALUR

**FARAHAINA BINTI ANCHONG & HAJI AWANG ASBOL BIN HAJI MAIL**

# Kesultanan Brunei dan Aceh Tradisional, Abad ke-14 hingga 19 Masihi: Satu Perbandingan Konsep Daulat dan Derhaka pada Era Pengaruh Islam

***IKHTISAR**: Makalah ini membincangkan perbandingan konsep "daulat" dan "derhaka" di antara Kesultanan Islam di Brunei dan Aceh. Dengan mengguna-pakai kaedah sejarah, pendekatan kualitatif, dan sorotan literatur, perbandingan hanya melihat dalam aspek "Khalifah Allah" dan hubungan keturunan Sultan-sultan di kedua-dua kesultanan dengan baginda Rasulullah SAW (Sallallahu Alaihi Wassallam) serta Raja Iskandar Zulkarnain. Perkara ini boleh dikesan melalui sumber-sumber tempatan kedua-dua kesultanan, seperti: Teks Terasul, Syair Awang Semaun, Shaer Rakis, Hikayat Aceh, Bustan al-Salatin, Tajus Salatin, dan Adat Aceh. Perbandingan ini juga dihubungkan dengan bukti-bukti sejarah yang memperlihatkan sejauhmana Sultan-sultan di Brunei dan Aceh melaksanakan pemerintahan sebagai "Khalifah Allah" sebagai teras kepada konsep "daulat" dan "derhaka". Hal yang perlu dikaji juga, terutama dalam melaksanakan hukuman yang adil dalam semua aspek, yang melibatkan berbagai lapisan rakyat.*
***KATA KUNCI**: Sultan Brunei dan Aceh; Khalifah Allah; Konsep Daulat dan Derhaka; Keadilan Hukum.*

***ABSTRACT:** "The Traditional Sultanates of Brunei and Aceh, $14^{th}$ – $19^{th}$ Century: A Comparison on the Concept of Sovereignty and Treason in the Era of Islamic Influence". This article discusses on the comparison of "sovereignty" and "treason" concepts between the Islamic Sultanates in Brunei and Aceh. Based on the historical method, qualitative approach, and literature review, the comparison is only looking at the aspects of the Caliph of Allah and the relations between the Sultans of both sultanates with Prophet Muhammad and King of Iskandar Zulkarnain as it is believed that they were descendants from these Islamic figures. These aspects can be seen from local sources in both sultanates, namely: Terasul Text, Syair Awang Semaun, Shaer Rakis, Hikayat Aceh, Bustan al-Salatin, Tajus Salatin, and Adat Aceh. The comparison in this article is also linked with historical evidences which shows how far the Sultans of Brunei and Aceh had ruled as the Caliph of Allah as it is the essence for the concept of "sovereignty" and "treason". It is important to be discussed here, especially on how the Sultans were able to be just in carrying out punishments in all aspects, which include various society.*
***KEY WORD**: Sultans of Brunei and Aceh; Caliph of Allah; Sovereignty and Treason Concepts; Legal Justice.*

***About the Authors:*** **Farahaina binti Anchong** ialah Pelajar Pascasiswazah pada Program Pengajian Sejarah dan Antarabangsa, Fakulti Sastera dan Sains Sosial UBD (Universiti Brunei Darussalam), Jalan Tungku Link, Gadong BE1410, Negara Brunei Darussalam. **Prof. Madya Dr. Haji Awang Asbol bin Haji Mail** ialah Pensyarah Kanan pada Program Pengajian Sejarah dan Antarabangsa, Fakulti Sastera dan Sains Sosial UBD di Negara Brunei Darussalam. Bagi urusan sebarang akademik, penulis boleh dihubungi secara terus melalui alamat emel di: farahaina.anchong@gmail.com dan asbol.mail@ubd.edu.bn

***Suggested Citation:*** Anchong, Farahaina binti & Haji Awang Asbol bin Haji Mail. (2020). "Kesultanan Brunei dan Aceh Tradisional, Abad ke-14 hingga 19 Masihi: Satu Perbandingan Konsep Daulat dan Derhaka pada Era Pengaruh Islam" in *SUSURGALUR: Jurnal Kajian Sejarah & Pendidikan Sejarah*, Volume 8(1), Maret, pp.27-42. Bandung, Indonesia: Minda Masagi Press and UBD Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam, ISSN 2302-5808 (print) and ISSN 2684-7388 (online).

***Article Timeline:*** Accepted (January 30, 2020); Revised (February 27, 2020); and Published (March 30, 2020).

*© 2020 Minda Masagi Press, Bandung, Indonesia; and UBD, BS Begawan, Brunei Darussalam*

## PENDAHULUAN

"Daulat" berasal daripada perkataan Arab, yang bermaksud perkara-perkara yang berkaitan dengan kuasa, kerajaan, empayar, dinasti, pemerintahan, negara, atau negeri. Oleh itu, dalam konteks sesebuah kerajaan, "daulat" menjadi intipati dan sekaligus satu konsep kepada hak individu atau kelompok, yang menggunakan kuasa dan wibawa untuk memerintah sesebuah kerajaan. Selain itu, dalam politik pemerintahan pula, "daulat" adalah satu pengiktirafan bagi individu atau kelompok untuk melaksanakan kuasa ke atas anggota masyarakat, yang mendiami sesebuah negeri atau negara (Hashim, 1994-1995:215; Huda, 2011; dan Che Pa, 2019).

Kemunculan konsep "daulat" di Alam Melayu mula dikesan semasa penguasaan kerajaan Sriwijaya, melalui bukti Prasasti Telaga Batu dan Kota Kapur di Pulau Bangka, Indonesia, yang mencatatkan kejayaan seorang ketua atau pemerintah tentera dalam menguasai sekumpulan masyarakat. Konsep "daulat" tersebut lahir daripada upacara pengesahan kedudukan raja, dengan menuangkan air ke atas Prasasti Telaga Batu berkenaan, yang mencatatkan kata-kata sakti untuk memuja dan memuji raja. Air ini kemudian diminum oleh para pembesar tempatan dan pemerintah jajahan takluk Sriwijaya (Coedes & Damais, 1992; Hashim, 1994-1995:215; dan Alamsyah, 2018).

Para pembesar dikehendaki untuk bersumpah dan berjanji tidak akan menderhaka kepada raja, kerana perbuatan ini boleh menyebabkan mereka ditimpa tulah dalam bentuk kutukan Sang Hyang Dewata Mulia Raya. Mereka yang melanggar sumpah digelar sebagai "derhaka". Perkataan ini berasal daripada istilah Sanskrit lama, yang bererti mengkhianati janji dan sumpah, atau ingkar kepada pihak yang berkuasa. Dengan yang demikian, konsep "daulat" tidak boleh dipisahkan dengan konsep "derhaka", kerana kedua-duanya saling berkaitan antara satu dengan lain (Hashim, 1994-1995:216-217; Annissa, 2019; dan Che Pa, 2019).

Kemunculan konsep "daulat" dan "derhaka" sejak zaman pengaruh Hindu-Buddha ini telah melahirkan perasaan taat setia rakyat kepada raja selaku pemerintah sesebuah negeri. Konsep ini telah menjadi pengukuh dalam mengangkat kedudukan raja sehingga ke tempat yang tertinggi dalam sosio- politik negara. Seluruh rakyat dianggap telah bernaung dan berlindung di bawah kekuasaan raja. Lantaran itu, baginda mempunyai hak dan keistimewaan, sehingga tidak boleh dicela dan dikritik oleh rakyat. Mana-mana rakyat yang cuba menentang raja, maka mereka dianggap sebagai golongan "penderhaka", yang boleh dijatuhi hukuman yang berat (Abdullah, 2000:180; Jaludin, 2010:93; Mail, 2011:66; dan Alamsyah, 2018).

Apabila Alam Melayu menerima Islam secara meluas, hingga muncul kerajaan Islam bermula pada abad ke-13 M (Masihi), maka pengaruh Islam telah memainkan peranan dalam mendokong konsep "daulat" dan "derhaka" Sultan-sultan di rantau ini. Dokongan ini perlu, supaya konsep "daulat" dan "derhaka" seorang Sultan sentiasa berada dalam keadaan mantap dan berfungsi. Pengaruh Islam ini jelas dilihat melalui unsur-unsur pengiktirafan sebagai *Khalifah Allah*, Bayang-bayang Allah di Muka Bumi, dan mempunyai kesinambungan keturunan dengan tokoh-tokoh Islam, sama ada dari golongan Nabi, Raja, mahupun dari kalangan Ulama yang dianggap bertaraf Wali Allah dihubungkan dengan Sultan-sultan di rantau ini (Suwirta, 2007; Fattah, 2010; dan Sudrajat, 2012).

Hubungan dengan keturunan Nabi biasanya dikaitkan dengan Nabi Muhammad SAW (*Sallallahu*


© 2020 Minda Masagi Press, Bandung, Indonesia; and UBD, BS Begawan, Brunei Darussalam
p-ISSN 2302-5808 , e-ISSN 2684-7388, and www.journals.mindamas.com/index.php/susurgalur

*Alaihi Wassallam*), atau mungkin dengan Nabi-nabi lain sebelumnya. Manakala di kalangan Raja, lazimnya dihubungkan dengan Raja Iskandar Zulkarnain (Azizan, 2009; Chambert-Loir, 2014; dan Tahar, 2018).[1]

Konsep "daulat" dan "derhaka", yang diperkasakan oleh Islam di Alam Melayu ini, juga didokong oleh sikap Sultan yang mengasihi Ulama; berperanan dalam menyebarkan ugama Islam; dan penggubalan undang-undang, terutama undang-undang syariah. Di samping pengaruh Islam, terdapat pula pengaruh budaya dalam mendokong konsep "daulat" dan "derhaka" daripada Sultan-sultan Melayu dari segi penguasaan ekonomi yang mantap, kuasa melantik pembesar, ketenteraan yang kuat, wilayah takluk yang luas, memiliki alat-alat kebesaran, dan dari segi penggunaan bahasa yang khas untuk golongan diraja (Alamsyah, 2018; Annissa, 2019; dan Che Pa, 2019).

Oleh itu, dalam ruang yang terhad ini, pembicaraan perbandingan konsep "daulat" dan "derhaka" antara Kesultanan Brunei dan Kesultanan Aceh tradisional, sekitar abad ke-14 hingga ke-19 M (Masihi), dibataskan kepada unsur *Khalifah Allah* dan hubungan keturunan dengan Nabi dan Raja Iskandar Zulkarnain. Oleh kerana unsur *Khalifah Allah* ini berkait-rapat dengan pengaruh Islam, maka makalah ini juga melihat sejauhmana Sultan-sultan Brunei dan Aceh mampu melaksanakan pemerintahan mereka, selaras dengan ajaran agama Islam (Suwirta, 2007; Azizan, 2009; dan Tahar, 2018).

Unsur *Khalifah Allah*, sebagai pendokong kepada konsep "daulat" dan "derhaka", jelas apabila Sultan dianggap sebagai *Khalifah Allah* atau Wakil Allah, sebagai pemerintah di muka bumi, dan bukan lagi sebagai titisan Dewa atau Dewa-Raja, seperti anggapan dalam era pengaruh Hindu-Buddha (Heine-Geldern, 1982; Suwirta, 2007; dan Sudrajat, 2012). Sultan-sultan di Alam Melayu dianggap sebagai *Khalifah Allah*, seperti Sultan-sultan Melaka yang telah dirakam oleh naskah-naskah Melayu lama dalam *Hikayat Hang Tuah* dan *Sejarah Melayu.* Dalam *Sejarah Melayu,* contohnya, dicatatkan bahawa Sultan Melaka sebagai *Khalifah Allah* menerusi wasiat Bendahara Tun Perak, seorang Bendahara Melaka berwibawa dan termasyhur, ketika beliau merujuk Sultan sebagai *Khalifah Allah* dan Bayangan Allah di muka bumi. Beliau juga menggandingkan Sultan yang adil dengan Nabi Muhammad SAW (Shellabear, 1984:141; Milner, 1989; Abdullah, 2000:178; dan Azizan, 2009).

Dengan menganggap Sultan sebagai *Khalifah Allah* atau Bayangan Allah di muka bumi, maka ia sebagai pendokong kepada kedaulatan Sultan Melaka apabila baginda mempunyai hak dan keistimewaan sebagai Wakil Allah untuk memerintah di muka bumi. Oleh itu, sebarang penentangan terhadap pemerintahan baginda boleh dikategorikan sebagai "derhaka", malahan dianggap sebagai bercanggah dengan ajaran Islam. Unsur *Khalifah Allah* ini juga berlaku di negeri-negeri Alam Melayu selain Melaka, Brunei, dan Aceh, seperti: Pahang, Kedah, Trengganu, dan Johor di Malaysia, serta Raja-raja Islam Mataram di Jawa, termasuklah Kesultanan Yogyakarta dan Solo (Moertono, 1985; Milner, 1989; Abdullah, 1991:5-6; Suwirta, 2007; dan Alamsyah, 2018).

Selain itu, konsep "daulat" dan "derhaka" dikukuhkan dengan mengaitkan nasab keturunan Sultan

[1]Raja Iskandar Zulkarnain adalah seorang pemerintah yang disebutkan kisahnya didalam *Al-Qur'an*, melalui surah Al-Khafi, ayat 83 hingga ayat 98. Namun, sehingga kini tidak diketahui dengan jelas siapa sebenarnya Iskandar Zulkarnain ini, kerana dalam *Al-Qur'an* hanya menyebut baginda sebagai seorang pemerintah bijaksana, yang beriman kepada Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta'ala*); dan telah menguasai beberapa negeri dan kerajaan dunia ini. Lihat, seterusnya, Taufik (2009); Haji Muhaimin Haji Mohamed (2012:131); dan Rukimin (2014).

*© 2020 Minda Masagi Press, Bandung, Indonesia; and UBD, BS Begawan, Brunei Darussalam*
*p-ISSN 2302-5808 , e-ISSN 2684-7388, and www.journals.mindamas.com/index.php/susurgalur*

dengan tokoh-tokoh Islam, iaitu Nabi Muhammad SAW dan Raja Iskandar Zulkarnain. Kaitan keturunan ini ditemui di beberapa Kesultanan Alam Melayu. Misalnya, Sultan-sultan Mangindanao dan Sulu di Philippines, serta Patani di Thailand Selatan dikatakan berketuruanan Nabi Muhammad SAW (Milner, 1989; Azizan, 2009; Mohamed, 2012:132; Chambert-Loir, 2014; dan al-Fathani, 2018:15).

Manakala Raja-raja pada Kerajaan Islam di Jawa, Indonesia, ada yang mengaitkan diri mereka dengan keturunan Nabi Adam yang ke-50 dan Nabi Sulaiman. Sementara itu, Sultan-sultan Melaka pula mengaku berturunan daripada Raja Iskandar Zulkarnain. Selain daripada mengaitkan hubungan keturunan, ada yang menganut Islam melalui mimpi berjumpa Rasulullah SAW hingga boleh membaca *Al-Qur'an* dan dikhatamkan, seperti yang berlaku terhadap Sultan Pasai di Aceh, Sumatera Utara dan Sultan Melaka di Semenanjung Tanah Melayu (Shellabear, 1938:83; Hill, 1960:56-57; Shellabear, 1984:62; Moertono, 1985; Milner, 1989; Abdullah, 1991:7; Suwirta, 2007; dan Harun, 2011:5).

Dengan mempunyai hubungan keturunan dengan tokoh-tokoh Islam itu, ia telah mendokong kedaulatan dan kewibawaan Sultan-sultan di Alam Melayu, kerana mereka adalah keturunan tokoh-tokoh yang berwibawa dan berjasa, hingga melayakkan mereka untuk menjadi Sultan atau Pemerintah, tanpa boleh dipersoalkan oleh rakyat (Azizan, 2009; Annissa, 2019; dan Che Pa, 2019).

Meskipun konsep "daulat" dan "derhaka" daripada Sultan-sultan Alam Melayu dijulang oleh unsur *Khalifah Allah* serta mempunyai hubungan keturunan dengan tokoh-tokoh Islam, tetapi unsur ini tidak boleh berdiri sendiri tanpa diukur dari sudut keadilan semasa melaksanakan pemerintahan, khususnya dalam undang-undang. Sungguhpun rakyat dimestikan untuk mencurahkan taat setia kepada Raja, tanpa berbalah bahagi; namun, dalam masa yang sama, Sultan sebagai *Khalifah Allah* juga dimestikan untuk bersikap adil terhadap rakyat bagi memastikan kedaulatan baginda tidak tercemar, yang disebabkan oleh penderhakaan rakyat (Suwirta, 2007; Mail, Tinkong & Suif, 2018; dan Che Pa, 2019).

Konsep "daulat" dan "derhaka" seperti yang terdapat ke atas Sultan-sultan di Alam Melayu ternyata juga boleh ditemui dalam Kesultanan Brunei dan Kesultanan Aceh tradisional, yang mahukan dikaji dan dianalisis dalam kertas kerja ini.

## KAEDAH PENGAJIAN

Kajian ini mengguna-pakai kaedah dalam disiplin ilmu sejarah, pendekatan kualitatif, serta kajian perpustakaan (Creswell, 1994; Howell & Prevenier, 2001; Zed, 2004; Harahap, 2014; dan Sjamsuddin, 2014), yang menganalisis sumber-sumber sekunder dalam bentuk buku dan jurnal, yang pernah ditulis oleh para sarjana yang pakar dalam bidang sejarah Brunei dan Aceh. Pemerihalan yang mahukan dikaji dan diperbandingkan secara analisis-deskriptif adalah: (1) *Unsur Khalifah Allah*; (2) *Unsur Kesinambungan Keturunan dengan Nabi Muhammad SAW dan Raja Iskandar Zulkarnain*; serta (3) *Unsur Keadilan.*

## HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

***Unsur Khalifah Allah.*** Sepertimana Sultan Melaka, yang disebut dalam *Sejarah Melayu* sebagai *Khalifah Allah*, sumber-sumber tradisional Brunei juga menyebut Sultan-sultan negeri ini sebagai *Khalifah Allah*. Malah, unsur *Khalifah Allah* tidak hanya disebut dalam sumber-sumber tradisional, tetapi juga dalam sumber Barat. Antara sumber-sumber tradisional yang


© 2020 Minda Masagi Press, Bandung, Indonesia; and UBD, BS Begawan, Brunei Darussalam
p-ISSN 2302-5808 , e-ISSN 2684-7388, and www.journals.mindamas.com/index.php/susurgalur

menyebut tentang *Khalifah Allah* ialah *Teks Terasul,* yang dibacakan ketika adat-istiadat berpuspa atau istiadat pertabalan Sultan Brunei; *Syair Awang Semaun;* dan *Shaer Rakis.* Dalam *Teks Terasul,*[2] seperti yang dipaparkan berikut, Sultan dikatakan sebagai *Khalifah Allah*, walaupun ia tidak dicatat secara tersurat tetapi ia dirakam secara tersirat (Yusuf, 1975; Milner, 1989; Mahadi, 2011; Mail, 2011; dan Melayong, 2019).

***Teks Terasul dalam Adat-Istiadat Berpuspa Sultan-sultan Brunei***

*Sudah dengan kehendak Allah, tuanku menjadi raja dalam Negeri Brunei ini.*
*Sudah dengan kehendak Allah, tuanku menjadi junjungan rakyat Negeri Brunei ini.*
*Sudah dengan kehendak Allah, tuanku menjadi pemimpin rakyat Negeri Brunei ini.*
*Sudah dengan kehendak Allah, tuanku menjadi penaung rakyat Negeri Brunei ini.*
*Sudah dengan kehendak Allah, tuanku menjadi turus tunggak Negeri Brunei ini.*
*Sudah dengan kehendak Allah, tuanku menjadi Yang Dipertuan bagi negeri Brunei ini.*
*Mudah-mudahan Kebawah Duli Tuanku kekal karar di atas singgahsana Kerajaan Brunei turun-temurun memerintah dan memimpin rakyat Negeri Brunei Darussalam. Amin ya Raabal Alamin* (dalam Yusuf, 1975:63).

Sungguhpun teks itu tidak menyebut perkataan *Khalifah Allah* secara jelas, tetapi jika diteliti maksudnya yang sering mengulangi ayat "sudah dengan kehendak Allah", maka ia secara tidak langsung merujuk Sultan Brunei sebagai *Khalifah Allah*, kerana baginda telah dipilih dan ditakdirkan oleh Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta'ala*) untuk menjadi Sultan. Oleh itulah, baginda layak untuk memerintah sebagai *Khalifah Allah* atau Wakil Allah di muka bumi, khusus bumi Brunei (*cf* Yusuf, 1975; Milner, 1989; dan Suwirta, 2007).

Selain *Teks Terasul*, unsur *Khalifah Allah* bagi Sultan-sultan Brunei juga terdapat dalam *Syair Awang Semaun* dan *Shaer Rakis.* Kalau *Teks Terasul* menyebutnya secara tersirat, tetapi kedua-dua sumber ini pula menyatakan Sultan Brunei sebagai *Khalifah.* Contohnya, *Syair Awang Semaun* menyebut Sultan Bolkiah (1524-1585), iaitu Sultan Brunei yang ke-5, sebagai "Duli Khalifah" (Yusuf, 1975; KM, 2010:204-207; dan Mahadi, 2011).

Tulisan yang sama ditemui dalam *Shaer Rakis* bagi merujuk kepada Sultan Abdul Momin (1852-1885), iaitu Sultan Brunei ke-24 (Al-Sufri, 1983:58, 60 dan 70). Sungguhpun begitu, sumber-sumber ini tidak pula menyatakakan secara terus terang sebagai *Khalifah Allah*, hanya dicatatkan *Khalifah*. Biarpun tidak lengkap, kerana pada lazimnya perkataan *Khalifah* dipetik dari perkataan Arab, yang bermaksud "pemimpin" atau "ketua", maka dengan sendirinya hal ini boleh dikaitkan dengan maksud Wakil Allah di muka bumi atau pemimpin yang mengganti Rasulullah (Al-Sufri, 1983; KM, 2010; dan Ghofur, 2015).

Oleh yang demikian adalah jelas bahawa sumber-sumber tradisional Brunei telah menyatakan, meskipun dalam bentuk tersirat, bahawa Sultan-sultan Brunei dalam konsep "daulat" dan "derhaka"-nya dianggap sebagai *Khalifah Allah* atau Wakil Allah di muka bumi.

Bagaimanapun, unsur *Khalifah Allah* yang terdapat pada Sultan Brunei pernah dicatatkan secara terus-terang dalam sumber Barat, iaitu sumber Belanda. Berbeza dengan sumber-sumber tradisional, sumber Barat mencatatkan bahawa selain Sultan-sultan Brunei dianggap sebagai

[2]*Teks Terasul* adalah teks tradisional Kesultanan Brunei yang dibacakan semasa istiadat berpuspa Sultan. Ia dibacakan sebagai pengisytiharan dan pengesahan lantikan baginda sebagai Sultan yang baharu. Ia berbeza dengan pengurniaan gelaran kepada Pembesar, apabila pengesahan gelarannya dilakukan dengan dibacakan *Teks Ciri* semasa istiadat pengurniaan gelaran. Ini bermakna bahawa *Teks Terasul* digunakan khas untuk Sultan semasa hari pertabalan baginda; manakala *Teks Ciri* pula dikhususkan untuk Pembesar semasa istiadat pengurniaan gelaran. Sila lihat, seterusnya, P.M. Yusuf (1975).

*© 2020 Minda Masagi Press, Bandung, Indonesia; and UBD, BS Begawan, Brunei Darussalam*
*p-ISSN 2302-5808 , e-ISSN 2684-7388, and www.journals.mindamas.com/index.php/susurgalur*

*Khalifah Allah*, sebahagian daripada mereka juga menggunakan gelaran *Zillullahi fil-Alam,* atau Bayangan Allah di muka bumi, pada nama mereka. Adanya gelaran seumpama ini telah membantu dalam mendokong dan memantapkan unsur *Khalifah Allah* dan kedaulatan Sultan-sultan Brunei. Misalnya, dalam sumber itu disebutkan bahawa pada tahun 1721 dan 1722, Sultan Brunei menggelar diri baginda sebagai "Paduka Sri Sultan Muazzam Malik al-Mukarram Zill Allah fi al-'Alam" (*cf* Milner, 1989; Suwirta, 2007; dan Wellen & Mostert, 2020:13-22).

Meskipun demikian, sumber ini tidak pula menyatakan siapa Sultan Brunei yang memerintah pada waktu itu. Namun, berdasarkan pada kronologi Sultan-sultan yang pernah memerintah Brunei, Sultan Brunei ketika itu adalah Sultan Husin Kamaluddin (1710-1730 dan 1737-1740), Sultan Brunei ke-16. Dengan demikian, penggunaan gelaran ini pada nama Sultan menunjukkan bahawa unsur *Khalifah Allah* bagi Sultan Brunei diterangkan secara terus-terang (Rahman, 2016; Gallop, 2019; dan Wellen & Mostert, 2020).

Dalam hubungan ini, sama seperti Kesultanan Brunei, konsep "daulat" dan "derhaka" juga ditemui dalam Kesultanan Aceh tradisional di kawasan Sumatera bahagian utara, Indonesia. Kewujudannya boleh dikesan sebaik-baik sahaja kesultanan ini muncul sebagai sebuah kerajaan Melayu Islam pada abad ke-16 Masihi (Hasjmy, 1983:60; Lombard, 1986:49; dan Kurdi, 2013:7), walaupun sesetengah pengkaji lain berpendapat bahawa Aceh telah muncul sebagai sebuah Kerajaan Melayu Islam pada tarikh yang lebih awal, iaitu abad ke-13 dan akhir abad ke-15 Masihi (Hadi, 2010:12-13; Zainuddin, 2012:392; Nurdin, 2013; dan Nazaruddin, 2014).

Seperti Kesultanan Brunei tradisional, konsep "daulat" dan "derhaka" daripada Sultan atau Sultanah Aceh juga didokong oleh unsur *Khalifah Allah*. Hal ini boleh dilihat menerusi rakaman sumber-sumber tempatan, seperti *Hikayat Aceh, Adat Aceh,* dan *Bustan al-Salatin.* Dalam *Hikayat Aceh,* contohnya, disebut secara terus-terang bahawa Sultan Alauddin Riayat Syah al-Mukammil (1585-1604), iaitu nenda kepada Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam (1607-1636), telah mengakui cucunda baginda itu sebagai *Khalifah Allah*, seperti petikan berikut:

> *[...] dan cucuku inilah yang mengempukan bumi musyrik, dan ialah yang menjunjung karunia Allah Ta'ala menjadi Khalifah Allah* (Iskandar, 2001:83).

Perkara yang sama ditemui dalam *Adat Aceh,* yang menyatakan dengan jelas bahawa Sultan Aladdin Ahmad Syah (1727-1735) dan Sultan Alaidin Johan Syah (1735-1760) sebagai *Khalifah Allah*, dengan mencatatkan seperti berikut:

> *[...] menjunjungkan Khalifah Allah, Orang Kaya Maharaja Lela Melayu, yang bergelar Paduka Seri Sultan Aladdin Ahmad Syah Alam [...]. Kemudian dari itu, menjunjungkan Khalifah Allah anak baginda itu yang bergelar Paduka Seri Sultan Alaiddin Juhan Syah* (Harun & Gani, 1985:77-78).

Selain daripada menggelar Sultan-sultan dan Sultanah Aceh sebagai *Khalifah Allah*, kedaulatan mereka juga dikukuhkan apabila sebahagian daripada nama mereka disertakan dengan gelaran *Zillullahi fil Alam* atau Bayangan Allah di Muka Bumi, sebagaimana yang terdapat dalam Kesultanan Brunei. Gelaran ini boleh didapati dalam *Adat Aceh,* seperti Sultan Iskandar Muda Juhan Berdaulat *Zillullahi fil Alam*; Sultanah Tajul Alam Safiatuddin Juhan Berdaulat *Zillullahi fil Alam* (1641-1675); dan Sultan Alaiddin Muhammad Syah Juhan Berdaulat *Zillu i-Ilahi fil-Alam* wa 'Abqa Amrahu fi Jami' il-


*© 2020 Minda Masagi Press, Bandung, Indonesia; and UBD, BS Begawan, Brunei Darussalam*
***p*-ISSN 2302-5808 , *e*-ISSN 2684-7388**, *and* **www.journals.mindamas.com/index.php/susurgalur**

Hikam (1781-1795) di Kesultanan Aceh (Harun & Gani, 1985:34-36; Jalil, 1991; dan Van Langen, 2002).

Dari pembicaraan di atas, ternyata kedua-dua Kesultanan itu mempunyai persamaan dari segi unsur *Khalifah Allah* sebagai pendokong kepada konsep "daulat" dan "derhaka"-nya. Bagaimanapun, dalam hal ini, kelihatannya Kesultanan Aceh lebih jelas dan berterus-terang berbanding dengan Kesultanan Brunei. Bagaimanapun, Kesultanan Brunei juga mempunyai unsur *Khalifah Allah* yang diterangkan secara terus-terang, seperti yang boleh dilihat melalui penggunaan gelaran *Zillullahi fil-Alam* pada nama sebilangan daripada Sultannya. Hal ini menjadikannya sama dengan Kesultanan Aceh, kerana Kesultanan ini turut menggunakan gelaran tersebut pada nama sebilangan daripada Sultan dan Sultanahnya (Milner, 1989; Suwirta, 2007; dan Raditya, 2017).

***Unsur Kesinambungan Keturunan dengan Nabi Muhammad SAW dan Raja Iskandar Zulkarnain.*** Selain daripada aspek *Khalifah Allah*, konsep "daulat" dan "derhaka" daripada Sultan-sultan Brunei juga boleh dilihat melalui kaitan keturunan mereka dengan Nabi Muhammad SAW (*Salallahu Alaihi Wassalam*) dan Raja Iskandar Zulkarnain. Perkara ini jelas melalui catatan dalam sumber tempatan, iaitu *Salasilah Raja-raja Berunai,* yang menyebut Sultan Sharif Ali (1425-1432), iaitu Sultan Brunei yang ke-3, adalah keturunan daripada baginda Rasulullah SAW melalui cucunda baginda Sayidina Hassan (Azizan, 2009; Rahman, 2016; dan Gallop, 2019).

Sementara itu, hubungan keturunan Sultan-sultan Brunei dengan Raja Iskandar Zulkarnain pula boleh dikesan apabila Awang Alak Betatar, iaitu Raja Brunei pertama, memeluk agama Islam dengan gelaran Sultan Muhammad Shah (1363-1402), memperisterikan Puteri Johor yang mempunyai keturunan dengan Raja Iskandar Zulkarnain, kerana nenek sebelah ayah puteri ini bernama Sang Sapurba adalah keturunan dari Raja Islam tersebut (Sweeney, 1968:11-12; Al-Sufri, 1971:4-6; dan Chambert-Loir, 2014).

Begitu juga konsep "daulat" dan "derhaka" daripada Kesultanan Aceh, yang dikukuhkan dengan menghubungkan keturunan mereka dengan Baginda Rasulullah SAW dan Raja Iskandar Zulkarnain. Hal ini jelas melalui tulisan Syeikh Nuruddin al-Raniri, pengarang kitab *Bustan al-Salatin,* yang mengaitkan nasab keturunan Sultan Iskandar Thani (1636-1641) dengan Nabi Muhammad SAW dan Raja Iskandar Zulkarnain. Hubungan keturunan ini juga turut ditemui dalam *Hikayat Aceh,* yang menyatakan bahawa Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam adalah keturunan Raja Iskandar Zulkarnain (*cf* Harun, 2004:32-33; Iskandar, 2001:8; dan Tahar, 2018).

Dari huraian di atas, ternyata kedua-dua Kesultanan mempunyai persamaan dari segi kesinambungan keturunan dengan Nabi Muhammad SAW dan Raja Iskandar Zulkarnain, yang juga pendokong kepada konsep "daulat" dan "derhaka" mereka. Dengan adanya penyataaan berasal daripada keturunan yang agung dan berbeza daripada orang kebanyakkan, maka ia mewajarkan Sultan untuk memerintah dan menguasai tampuk pemerintahan. Pengakuan seperti ini memudahkan rakyat untuk menerima Sultan kedua-dua negeri itu sebagai penaung dan pemerintah. Kedudukan mereka tidak boleh dipersoalkan oleh rakyat, bahkan mereka dikehendaki untuk mencurahkan taat setia dan tidak boleh "derhaka", kerana Sultan-sultan itu ialah berketurunan Nabi dan Raja terkenal (Azizan, 2009; Chambert-Loir, 2014; dan Annissa, 2019).

***Unsur Keadilan.*** Meskipun Sultan-sultan Brunei dan Aceh mempunyai

konsep "daulat" dan "derhaka", yang didokong oleh unsur *Khalifah Allah* dan mempunyai pertalian keturunan dengan Rasulullah SAW (*Salallahu Alaihi Wassalam*) dan Raja Iskandar Zulkarnain, tetapi konsep ini hanya dapat dipertahankan oleh kedua-dua Kesultanan melalui sikap adil, khususnya dalam melaksanakan hukuman. Ini bermakna bahawa jika mereka berlaku tidak adil, maka rakyat akan menentang dan melanggar janji sumpah setia kepada mereka (Rahman, 1986; Mail, Tinkong & Suif, 2018; dan Danardana, 2019).

Perbuatan tidak adil tersebut boleh mencemarkan "daulat" Sultan dan peranan baginda sebagai *Khalifah Allah*, yang selaras dengan ajaran Islam yang mahukan setiap pemerintah berlaku adil. Konsep "daulat" dan "derhaka"-nya juga akan terjejas, kerana rakyat tidak akan segan untuk bangun menentang, jika mereka diperlakukan dalam keadaan tidak adil. Pembalasan kepada Sultan yang tidak adil tidak hanya boleh berlaku di dunia, bahkan juga akan dipertanggungjawabkan di akhirat kelak. Pembalasan oleh Allah SWT (*Subhanahu Wa-Ta'ala*) kepada perbuatan baik dan jahat bukan dinilai pada pangkat di dunia, tetapi akan dinilai berdasarkan sejauhmana ketaqwaan seseorang (Alamsyah, 2018; Mail, Tinkong & Suif, 2018; dan Annissa, 2019).

Dalam sejarah Kesultanan Brunei tradisional, terdapat Sultan-sultan yang adil dan telah dirakam oleh *Salasilah Raja-raja Berunai,* yang menyebut Sultan Muhammad Hasan (1582-1598), iaitu Sultan Brunei ke-9, telah menghukum mati mertua baginda sendiri dan sebilangan daripada pembesar Brunei, kerana mereka ingin menderhaka (Sweeney, 1968:20; Rahman, 2016; dan Gallop, 2019). Sultan Muhammad Hasan adalah Sultan yang adil, kerana tanpa memilih bulu telah menjatuhkan hukuman kepada bapa mertua baginda sendiri. Maknanya, baginda akan menjatuhkan hukuman yang setimpal kepada sesiapa sahaja, termasuk ahli keluarga baginda (Ruliyadi, 2011; Ghofur, 2015; dan Najtama, 2018).

Begitu juga Sultan Omar Ali Saifuddien II (1828-1852), melalui Pengiran Bendahara Raja Muda Hashim, telah menjatuhi hukuman mati kepada pemberontak Sarawak Asal, yang telah tewas pada tahun 1840, kerana dianggap telah menderhaka. Bagaimanapun, hukuman ini telah dihalang oleh James Brooke. Hal yang sama juga berlaku di zaman pemerintahan Sultan Hashim (1885-1906), apabila orang-orang Limbang memberontak pada tahun 1888 Masihi (Hussainmiya, 2006; Mail, 2011:130 dan 142; dan Niam, 2011).

Sementara itu, di zaman Sultan Abdul Momin (1852-1885) pula, baginda telah menjatuhkan hukuman mati ke atas penjenayah bernama Maidin, walaupun beliau adalah anak kepada pembesar kesayangan baginda. Maidin dan rakan-rakannya telah melakukan rompakan terhadap para pedagang di Teluk Brunei (Treacher, 1889:41; Saunders, 2002; dan Mail, 2008). Sultan Abdul Momin telah melaksanakan keadilan, apabila menjatuhkan hukuman kepada anak seorang pembesar yang dikasihi baginda. Biarpun pembesar itu orang yang rapat dengan baginda, namun hukuman mesti terus dijalankan (Mail, 2008; Ghofur, 2015; dan Rahman, 2016).

Menurut pengembara Barat, bahawa zaman pemerintahan baginda Sultan Abdul Momin, undang-undang telah dilaksanakan dengan baik, biarpun agak lambat. Oleh itu, hukuman yang dijatuhkan di atas, sekurang-kurangnya telah memberikan pengajaran dan keinsafan kepada kaum kerabat dan sahabat kepada Sultan Muhammad Hasan dan Sultan Abdul Momin bahawa setiap hukuman akan dilaksanakan tanpa memilih


© 2020 Minda Masagi Press, Bandung, Indonesia; and UBD, BS Begawan, Brunei Darussalam
p-ISSN 2302-5808 , e-ISSN 2684-7388, and www.journals.mindamas.com/index.php/susurgalur

orang dan taraf kedudukan, jika didapati melakuakan jenayah. Langkah ini memang bersesuaian dengan pengiktirafan mereka sebagai *Khalifah Allah* (Mail, 2008; Arif, 2011; dan Ghofur, 2015).

Walau bagaimanapun, dalam Kesultanan Brunei tradisional juga terdapat Sultan yang menjatuhi hukuman dengan tidak adil. Perbuatan seperti ini sudah tentu menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan rakyat yang terbabit, dan kemudiannya memutuskan untuk bangun menentang atau menderhaka. Ketidakadilan dalam melaksanakan hukuman ini pernah terjadi di zaman pemerintahan Sultan Saiful Rizal (1533-1581), Sultan Brunei ke-7, yang telah memutuskan untuk mengampunkan Pengiran Bendahara Sakam. Pengampunan ini diberikan, walaupun beliau bersalah, kerana melarikan anak perempuan Pengiran Seri Lela ketika bersanding dengan anak Pengiran Seri Ratna (Said, 1994:125; Saunders, 2002; dan Yunos, 2016).

Tindakan baginda ini ternyata bertentangan dengan unsur *Khalifah Allah*, yang mengkehendaki seorang Sultan atau Raja untuk berlaku adil. Bahkan keputusan yang diambil oleh baginda memang berat sebelah dan bersifat nepotisme dan kronisme, kerana Pengiran Bendahara Sakam adalah saudara baginda. Oleh itu, pengampunan tersebut telah menimbulkan kemarahan kepada Pengiran Seri Lela, sehingga beliau dan Pengiran Maharaja Diraja meminta bantuan daripada Francisco de Sande, Gabenor General Sepanyol di Manila, Philippines, untuk menyerang Brunei. Francisco de Sande menyambut baik permintaan ini, kerana Sepanyol memang mempunyai cita-cita untuk menakluk Brunei dan menjadikan Brunei sebagai pusat perdagangan serta pusat menyebarkan agama Kristian (Besar, 2008; Rahman, 2016; dan Mail & Bakar, 2018:18).

Dengan itu, pada 14 April 1578, Francisco de Sande telah menyerang pusat pemerintahan Brunei dalam Perang Kastila. Dalam peperangan ini, Brunei telah tewas. Namun, penaklukan ini hanya berlangsung selama 72 hari, kerana orang-orang Sepanyol berjaya ditewaskan oleh pahlawan-pahlawan Brunei, yang diketuai oleh Pengiran Bendahara Sakam (Nicholl, 2002; Tahir, 2007; Bidzah, 2016; dan Mail & Bakar, 2018:18).

Dari peristiwa itu, ternyata, mana-mana Sultan yang tidak adil akan menerima penentangan oleh rakyat. Penentangan akan dilakukan dalam berbagai cara, samada bangun memberontak secara langsung atau melalui bantuan orang lain, dengan matlamat utama menumbangkan Sultan yang zalim atau tidak adil (Al-Ghazali, 1994; Ghofur, 2015; dan Mail, Tinkong & Suif, 2018).

Sementara itu, peranan Sultan atau Sultanah Aceh sebagai *Khalifah Allah* juga dilihat dari aspek keadilan mereka dalam melaksanakan undang-undang. Perkara ini turut diakui dalam *Taj Us-Salatin,* yang mengaitkan keadilan Sultan dengan unsur *Khalifah Allah* dan Bayangan Allah di Muka Bumi, seperti berikut:

> *[...] katakan itu baik dan itu jahat, kerana segala Raja-raja yang adil di atas muka bumi itulah Bayang-bayang Allah Ta'ala jua* (Hussain, 1992:185).

Antara Sultan Aceh yang menjalankan hukuman dengan adil ialah Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam (1607-1636), apabila baginda telah menjatuhi hukuman mati kepada putera baginda sendiri bernama Meurah Pupok, kerana didapati berzina dengan isteri seorang pembesar (Hussain, 1992:186; Halimi, 2008:298; dan Sudirman, 2013). Ini menunjukkan adanya persamaan dengan Kesultanan Brunei, apabila Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam (1607-1636) daripada Kesultanan

*© 2020 Minda Masagi Press, Bandung, Indonesia; and UBD, BS Begawan, Brunei Darussalam*

Aceh menjatuhkan hukuman ke atas keluarganya sendiri (Ruliyadi, 2011; Kurdi, 2013; dan Ghofur, 2015).

Menjatuhkan hukuman terhadap anak sendiri bukanlah satu tindakan yang mudah dilakukan. Dalam keadaan demikian, ternyata, baginda seorang yang berjiwa besar dan benar-benar taat dengan undang-undang Allah. Baginda kelihatannya lebih melihat masa depan di akhirat berbanding dengan masa kini di dunia, yang hanya bersifat sementara. Tindakan baginda ini memang selaras dengan pengiktirafan baginda sebagai *Khalifah Allah*. Bagaimanapun, menurut sumber lisan tempatan, selepas hukuman ini dijatuhkan, kesihatan baginda mengalami kemerosotan, mungkin tertekan dengan kemangkatan putera baginda yang penuh tragedi itu (Hadi, 2010; Sudirman, 2013; dan Mail, Tinkong & Suif, 2018).

Namun, sebilangan daripada Sultan-sultan Aceh juga didapati telah menjatuhi hukuman dengan tidak adil, seperti yang dirakam dalam *Bustan al-Salatin,* apabila Sultan Sri Alam atau Sultan Alaiddin Mukmin Shah (1579) dikatakan sebagai Sultan yang mudah murka, tidak berwibawa untuk memerintah kerajaan, dan membuat keputusan tanpa usul periksa (Salleh, 2010:3; Nordin, 2012; Almascaty, 2013; dan Fathoni, 2016).

Meskipun teks *Bustan al-Salatin* tidak menyebut secara langsung tentang perlaksanaan hukuman, tetapi keterangan yang menyatakan baginda membuat keputusan tanpa usul periksa boleh dilihat sebagai satu ketidak-adilan. Hal yang dilakukan baginda ini jelas bercanggah dengan anggapan baginda sebagai *Khalifah Allah*. Oleh itu, rakyat telah bangun menderhaka seperti yang disebut dalam *Hikayat Aceh* bahawa baginda telah diturunkan dari takhta oleh pembesar-pembesar Aceh, yang terdiri daripada Maharaja, Malik az-Zahir, Kadi, dan Hulubalang (Iskandar, 2001:30-31; Djamaris, 2007; Hadi, 2010; dan Nordin, 2012).

Dalam peristiwa itu, pembesar-pembesar Kesultanan Aceh tidak mungkin bersendirian, bahkan mereka pasti dibantu dengan ramai penyokong untuk menumbangkan kuasa daulat Sultan. Malahan, menurut *Bustan al-Salatin,* dalam langkah merampas kuasa kerajaan, baginda telah dibunuh (Djamaris, 2007; Salleh, 2010:3; dan Nordin, 2012).

Sementara itu, dalam peristiwa lain, rampasan kuasa yang berlaku ke atas Sultan Aceh, ada kalanya berlaku tanpa pertumbahan darah. Sebagai contoh, Sultanah Kamalat Syah (1688-1699), Sultanah Aceh berkenaan hanya diturunkan dari takhta tanpa diapa-apakan atau dibunuh. Baginda diturunkan kerana bukan tidak adil dalam pemerintahan, tetapi adanya fatwa tidak mengizinkan kaum wanita menjadi pemimpin negeri (Hadi, 2010:130; Supriyono, 2011; dan Raditya, 2017).

Unsur *Khalifah Allah* dan keturunan Nabi Muhammad SAW (*Salallahu Alaihi Wassalam*) serta Raja Iskandar Zulkarnain, yang terdapat pada Sultan-sultan Kesultanan Brunei dan Aceh, bukan sahaja mendapat cabaran dalam negeri, tetapi juga mendapat cabaran besar pada akhir abad ke-19 Masihi, apabila kuasa Barat datang. Brunei dicabar oleh Inggeris, manakala Aceh dicabar oleh Belanda. Orang Barat bukan sahaja mencabar kedaulatan politik kedua-dua Kesultanan hingga mereka berjaya menguasainya, tetapi kesannya telah dirasakan hingga kini dalam aspek keagamaan, budaya, dan ekonomi (Hussainmiya, 1995; Alfian, 2016; dan Susanto, 2016).

Semua kesan itu telah mencabar dan mengancam, bukan sahaja institusi beraja itu sendiri, bahkan membawa kepada ketuanan Melayu. Sebab itu, ramai Sultan-sultan Alam Melayu, sejak abad ke-16 hingga ke-


*© 2020 Minda Masagi Press, Bandung, Indonesia; and UBD, BS Begawan, Brunei Darussalam*
*p-ISSN 2302-5808 , e-ISSN 2684-7388, and www.journals.mindamas.com/index.php/susurgalur*

19, selain Brunei dan Aceh, seperti Mataram Islam di Jawa Tengah, Makassar di Sulawesi Selatan, Manguindanao di Philippine Selatan, Palembang di Sumatera Selatan, dan Riau di Sumatera, Indonesia berjihad dan berjuang menentang kuasa Barat, yang beragama Kristian (Majul, 1989; Abdullah, 1991:4; Ricklefs, 2001; Ghofur, 2015; dan Jehma, Sumardi & Sugiyanto, 2017).

**KESIMPULAN**

Melalui perbincangan konsep "daulat" dan "derhaka" di zaman pengaruh Islam di Kesultanan Brunei dan Aceh tradisional, maka telah ditemui bahawa konsep "daulat" dan "derhaka" sememangnya dipraktekkan di kedua-dua Kesultanan tersebut. Perkara ini jelas melalui persamaan dalam kewujudan aspek *Khalifah Allah* yang membolehkan Sultan-sultannya dianggap berdaulat; serta mempunyai hubungan keturunan dengan dua tokoh Islam yang telah disebutkan, iaitu Nabi Muhammad SAW (*Salallahu Alaihi Wassalam*) dan Raja Iskandar Zulkarnain. Selain daripada dua aspek itu, kedaulatan Sultan-sultan Brunei dan Aceh sebagai *Khalifah Allah* juga dibuktikan dengan keadilan mereka dalam melaksanakan hukuman.

Melalui perbincangan dalam makalah ini juga didapati bahawa tidak kesemua Sultan-sultan mampu melaksanakan peranan mereka sebagai *Khalifah Allah* secara sepenuhnya, kerana segelintir daripada mereka telah melaksanakan hukuman secara tidak adil. Apabila mereka tidak adil dalam melaksanakan tanggungjawab dalam memerintah negeri, mereka bukan sahaja melanggar syarat-syarat selaku *Khalifah Allah* atau Bayang-bayang Allah di Muka Bumi, yang setentunya akan mendapat balasan yang setimpal di hari Kiamat, tetapi balasan juga boleh berlaku di dunia dalam bentuk hukum karma apabila rakyat bangun menentang mereka.

Dengan sendirinya, unsur *Khalifah Allah* dan warisan keturunan Nabi Muhammad SAW dan Raja Iskandar Zulkarnian akan dipinggirkan oleh rakyat yang tidak berpuas hati dengan sikap zalim dan tidak adil Sultan-sultan mereka.[3]

# Referensi

Abdullah, Auni. (1991). *Islam dalam Sejarah Politik dan Pemerintahan Alam Melayu.* Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.

Abdullah, Abdul Rahman. (2000). *Sejarah dan Tamadun Asia Tenggara: Sebelum dan Sesudah Islam.* Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

Alamsyah, Muhammad. (2018). "Daulat-Durhaka: Konstruksi Ketatanegaraan Integralistik dalam Perspektif Melayu". Wujud secara online di: https://www.academia.edu/37325443/Daulat-Durhaka_Konstruksi_Ketatanegaraan_Integralistik_dalam_Perspektif_Melayu [diakses di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 2 September 2019].

al-Fathani, Arifin Cik. (2018). *Patani, Sultan Melayu Keturunan Faqih Ali Malbari: Sejarah yang Dilupakan.* Pattani: Yayasan Kebudayaan Islam Selatan Thai.

Alfian, Ibrahim. (2016). *Perang di Jalan Allah: Perang Aceh, 1873-1912.* Yogyakarta: Penerbit Ombak, edisi revisi.

Al-Ghazali. (1994). *Nasihat bagi Penguasa.* Bandung: Penerbit Mizan, Terjemahan.

Almascaty, Hilmy Bakar. (2013). "Relasi Persia dan Nusantara pada Awal Islamisasi: Sebuah Kajian Awal Pengaruh Persia dalam Politik Aceh" dalam *Media Syariah,* Vol.XV, No.1 [Januari-Juni], ms.53-67.

Al-Sufri, Pehin Dr Haji Mohd Jamil. (1971). *Chatatan Sejarah Perwira2 dan Pembesar2 Brunei,* Bil.1. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Al-Sufri, Pehin Dr Haji Mohd Jamil. (1983). *Syair Rakis: Karangan Al-Marhum Pengiran Shahbandar Pengiran Md Salleh Ibnu Pengiran Sharmayuda.* Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei.

Annissa, Jamilah. (2019). "Konsep Taat Setia

[3]***Kenyataan:*** Makalah ini adalah satu kajian ilmiah yang asli berdasarkan sumber-sumber ilmiah yang dipercayai dan boleh mengukuhkan analisis sebagai karya akademik. Makalah ini tidak pernah diterbitkan dalam mana-mana jurnal, sama ada di dalam mahupun di luar negara. Akhir sekali, makalah ini bukan dapatan dari tindakan plagiarisme, tetapi merupakan karya akademik kami berdua.

© 2020 Minda Masagi Press, Bandung, Indonesia; and UBD, BS Begawan, Brunei Darussalam

(Wa'adat), Daulat, dan Derhaka sebagai Tunjang Pengukuhan Kesultanan Melayu Klasik" dalam *The Patriots,* pada 12 April. Wujud secara online pula di: https://www.thepatriots.asia/konsep-taat-setia-waadat-daulat-dan-derhaka-sebagai-tunjang-pengukuhan-kesultanan-melayu-klasik/ [diakses di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 14 Januari 2020].

Arif, Bahriyatul. (2011). "Protektorasi Inggris terhadap Kesultanan Brunei Darussalam Tahun 1888". *Skripsi Sarjana Tidak Diterbitkan*. Jakarta: Jurusan Sejarah dan Peradaban Islam, Fakultas Adab dan Humaniora UIN [Universitas Islam Negeri] Syarif Hidayatullah. Wujud secara online pula di: http://repository.uinjkt.ac.id/dspace/bitstream/123456789/5138/1/BAHRIYATUL%20ARIF-FAH.PDF [diakses di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 16 September 2019].

Azizan, Imran Azwan bin. (2009). "Keturunan Nabi Muhammad SAW dalam Kalangan Raja-raja Melayu". Wujud secara online di: http://kencanasirawi-indonesia.blogspot.com/2009/11/keturunan-nabi-muhammad-saw-dalam.html [diakses di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 2 September 2019].

Besar, Haji Mail bin. (2008). "Gerakan Kristianisasi di Kalangan Masyarakat Islam: Kajian di Negara Brunei Darussalam". *Disertasi Doktoral Tidak Diterbitkan*. Kuala Lumpur: Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Wujud secara online pula di: http://studentsrepo.um.edu.my/5298/1/GERAKAN_KRISTIANISASI_DI_KALANGAN_MASYARAKAT_ISLAM_KAJIAN_DI_NBD_1(Thesis).pdf [diakses di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 16 September 2019].

Bidzah, Srinawawie bin. (2016). *Perang Kastila*. Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei, cetakan kedua.

Chambert-Loir, Henri. (2014). "Legenda Iskandar Zulkarnain di Alam Melayu" dalam Henri Chambert-Loir [ed]. *Iskandar Zulkarnain, Dewa Mendu, Muhammad Bakir, dan Kawan-kawan: Lima Belas Karangan tentang Sastra Indonesia Lama*. Jakarta: Penerbit KPG [Kepustakaan Populer Gramedia].

Che Pa, Bharuddin. (2019). "Pengaruh Islam dan Adat dalam Institusi Raja di Malaysia" dalam *Conference Proceeding* ICONIMAD [International Conference on Islam in Malay World] IX, di Krabi, Thailand. Wujud secara online pula di: https://umexpert.um.edu.my/public_view.php?type=publication&row=OTA5Mjk%3D [diakses di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 14 Januari 2020].

Coedes, George & Louis-Charles Damais. (1992). *Sriwijaya: History, Religion & Language of an Early Malay Polity*. Kuala Lumpur: MBRAS Publications.

Creswell, J.W. (1994). *Research Design: Qualitative and Quantitative Approaches*. California: Sage Publications, Inc.

Danardana, Agus Sri. (2019). "Tafsir Tun Teja dan Hang Jebat dalam Bayang-bayang Mitos Globalisasi". Wujud secara online di: http://badanbahasa.kemdikbud.go.id/lamanbahasa/content/tafsir-tun-teja-dan-hang-jebat-dalam-bayang-bayang-mitos-globalisasi [diakses di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 9 Januari 2020].

Djamaris, Edwar. (2007). *Sastra Indonesia Lama Berisi Sejarah: Ringkasan Isi Cerita serta Deskripsi Latar dan Tokoh*. Jakarta: Pusat Bahasa, Departemen Pendidikan Nasional. Wujud secara online pula di: http://repositori.kemdikbud.go.id/4381/1/Sastra%20Indonesia%20Lama%20Berisi%20Sejarah%202007.pdf [diakses di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 25 September 2019].

Fathoni, Rifai Shodiq. (2016). "Sejarah dan Isi Kitab Taj al-Salatin" dalam *Wawasan Sejarah,* pada 14 September. Wujud secara online pula di: https://wawasansejarah.com/sejarah-dan-isi-kitab-taj-al-salatin/ [diakses di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 16 September 2019].

Fattah, Rafiuddin Afkari bin Hj Abdul. (2010). "Nilai-nilai Sufistik pada Syair-syair Melayu: Faktor Pemangkin Islamisasi di Empayar Johor, Riau, Lingga". *Kertas Kerja* dibentang dalam Seminar Antarabangsa Sejarah dan Warisan Empayar Johor-Riau, di Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada Johor, di Johor Bahru, pada 5-7 November. Wujud secara online pula di: http://eprints.uthm.edu.my/id/eprint/1878/1/NILAI-NILAI_SUFISTIK_SYAIR_MELAYU_RAFIUDDIN_AFKAR_2010.pdf [diakses di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 2 September 2019].

Gallop, Annabel Teh. (2019). "Silsilah Raja-raja Brunei: The Manuscript of Pengiran Kesuma Muhammad Hasyim" dalam *ARCHIPEL,* Volume 97. Wujud secara online juga di: https://journals.openedition.org/archipel/1066?lang=en [diakses di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 9 Januari 2020].

Ghofur, Abd. (2015). "Islam dan Politik di Brunei Darussalam: Suatu Tinjauan Sosio-Historis" dalam *TOLERANSI: Media Komunikasi Umat Bergama*, Vol.7, No.1 [Januari-Juni], ms.53-69. Wujud secara online pula di: https://media.neliti.com/media/publications/40376-ID-islam-dan-politik-di-brunei-darussalam-suatu-tinjauan-sosio-historis.pdf [diakses

 *© 2020 Minda Masagi Press, Bandung, Indonesia; and UBD, BS Begawan, Brunei Darussalam*
***p-ISSN 2302-5808** , **e-ISSN 2684-7388**, and **www.journals.mindamas.com/index.php/susurgalur***

di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 9 September 2019].

Hadi, Amirul. (2010). *Aceh: Sejarah, Budaya, dan Tradisi.* Jakarta: Yayasan Pustaka Obor Indonesia.

Halimi, Ahmad Jelani. (2008). *Sejarah dan Tamadun Bangsa Melayu.* Kuala Lumpur: Utusan Publications dan Distributors Sdn Bhd.

Harahap, Nursapia. (2014). "Penelitian Kepustakaan" dalam *Jurnal Iqra'*, Vol.08, No.01 [Mei], ms.68-73. Wujud secara online pula di: https://media.neliti.com/media/publications/196955-ID-penelitian-kepustakaan.pdf [diakses di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 9 September 2019].

Harun, Jelani. (2004). "Bustan al-Salatin, 'The Garden of Kings': A Universal History and Adab Work from Seventeenth Century Aceh" in *Indonesia and the Malay World,*Volume 32(92), pp.21-52.

Harun, Jelani. (2011). "Asal-usul Raja, Negeri, dan Adat-Istiadat Kesultanan Perak: Beberapa Variasi dalam Pengekalan dan Penyimpangan Sumber Tradisi" dalam *SARI: International Journal of the Malay World and Civilisation,* Volume 29(1), ms.3-35. Wujud secara online pula di: http://journalarticle.ukm.my/3307/1/Asal-usul_Raja_Negeri_dan_adat_istiadat.pdf [diakses di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam: 14 Jun 2019].

Harun, Ramli & Tjut Rahma M.A. Gani. (1985). *Adat Aceh.* Jakarta: Proyek Penerbitan Buku Sastra Indonesia dan Daerah, Departemen Pendidikan dan Kebudayaan. Wujud secara online juga di: https://archive.org/details/ACEH02450/page/n1 [diakses di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 14 Jun 2019].

Hashim, Muhammad Yusoff. (1994-1995). "Daulat dalam Tradisi Budaya dan Politik Kesultanan Melayu Abad ke-15 dan Awal Abad ke-16: Antara Mitos dan Realiti" dalam *SEJARAH: Jurnal Jabatan Sejarah Universiti Malaya,* Volume 3, ms.215-238.

Hasjmy, A. (1983). *Kebudayaan Aceh dalam Sejarah.* Jakarta: Penerbit Beuna. Wujud secara online pula di: https://archive.org/details/KebudayaanAcehDalamSejarah/page/n63 [diakses di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 14 Jun 2019].

Heine-Geldern, Robert. (1982). *Konsepsi tentang Negara & Kedudukan Raja di Asia Tenggara.* Jakarta: Rajawali Pers, Terjemahan.

Hill, A.H. (1960). "Hikayat Raja-raja Pasai" in JMBRAS: *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society,* Vol.33, Pt.2, pp.1-215.

Howell, Martha & Walter Prevenier. (2001). *From Reliable Sources: An Introduction to Historical Methods.* Ithaca, New York: Cornell University Press.

Huda, Syamsul. (2011). "Pelaksanaan Undang-Undang Kerajaan Melayu dalam Sastra Sejarah: Aspek Adat dalam Naskah Sejarah Melayu" dalam *Jurnal Kependidikan Triadik,* Vol.14, No.1 [April], ms.64-75. Wujud secara online pula di: http://repository.unib.ac.id/330/1/Judul%208%20Syamsulhuda.pdf [diakses di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 2 September 2019].

Hussain, Khalid M. (1992). *Taj Us-Salatin.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Hussainmiya, Bachamiya Abdul. (1995). *Sultan Omar Ali Saifuddin III and Britain: The Making of Brunei Darussalam.* Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Hussainmiya, Bachamiya Abdul. (2006). *Brunei Revival of 1906: A Popular History*. Bandar Seri Begawan: Brunei Press Sdn Bhd. Wujud secara online pula di: http://fass.ubd.edu.bn/staff/docs/BAH/revival.pdf [diakses di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 16 September 2019].

Iskandar, Teuku. (2001). *Hikayat Aceh.* Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.

Jalil, Tuanku Abdul. (1991). *Adat Meukuta Alam.* Banda Aceh: Pusat Dokumentasi dan Informasi Aceh.

Jaludin, Abdul Hamid. (2010). *Syair Awang Semaun sebagai Epik Bangsa Melayu.* Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Jehma, R., Sumardi & Sugiyanto. (2017). "The Nationalism Movement of Islam for Independence of Patani Southern Thailand, 1902-1945" dalam *Jurnal Historica,* Vol.1, Iss.1, ms.65-78.

KM [Koleksi Muzium]. (2010). *Syair Awang Semaun.* Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kurdi, Muliadi. (2013). *Sulthan Iskandar Muda: Pelambang Kemakmuran dan Kegemilangan Aceh.* Banda Aceh: Naskah Aceh.

Lombard, D. (1986). *Kerajaan Aceh: Jaman Sultan Iskandar Muda (1607-1636).* Jakarta: Balai Pustaka, terjemahan Winarsih Arifin.

Mahadi, R.S. (2011). *Syair Awang Semaun: Satu Kajian Teks.* Berakas: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, dan Kementerian Kebudayaan, Belia, dan Sukan.

Mail, Haji Awang Asbol bin Haji. (2008). "Institusi Wazir, Ceteria, dan Menteri pada Abad ke-19: Struktur dan Kuasa Elite dalam Pentadbiran di Kesultanan Melayu Brunei" dalam *SOSIOHUMANIKA: Jurnal Pendidikan Sains Sosial dan Kemanusiaan,* Volume 1(1), Mei, ms.79-114.

Mail, Haji Awg Asbol bin Haji. (2011). *Kesultanan Melayu Brunei Abad ke-19: Politik dan Struktur Pentadbiran.* Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mail, Haji Awg Asbol bin Haji & Haji Mohsin Abu Bakar. (2018). *Politik Kesultanan Brunei,*

*1804-1906: Mengharung Badai, Rahmat di Pantai.* Bandar Seri Begawan: Persatuan Sejarah Brunei.

Mail, Haji Awang Asbol bin Haji, Haji Ramlee bin Haji Tinkong & Nur Syazwani binti Haji Md Suif. (2018). "The Issue of Justice and Injustice in Malacca Sultanate, 1400 – 1511 AD" in *SUSURGALUR: Jurnal Kajian Sejarah & Pendidikan Sejarah*, Volume 6(1), March, pp.1-26. Bandung, Indonesia: Minda Masagi Press and UBD Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam, ISSN 2302-5808.

Majul, Caesar A. (1989). *Dinamika Islam Filipina.* Jakarta: Penerbit LP3ES, terjemahan Eddy Zainurry.

Melayong, Muhammad Hadi bin Muhammad. (2019). "Syair Brunei: Beracuankan Melayu Islam Beraja (MIB)" dalam *Media Permata,* pada 14 Januari. Wujud secara online pula di: https://mediapermata.com.bn/syair-brunei-beracuankan-melayu-islam-beraja-mib/ [diakses di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 9 Januari 2020].

Milner, A.C. (1989). "Islam dan Martabat Raja Melayu" dalam Ahmad Ibrahim, Sharon Siddique & Yasmin Hussain [eds]. *Islam di Asia Tenggara: Perspektif Sejarah*. Jakarta: Penerbit LP3ES, Terjemahan.

Moertono, Soemarsaid. (1985). *Negara dan Usaha Bina-Negara di Jawa Masa Lampau: Studi tentang Masa Mataram II Abad XVI sampai XIX*. Jakarta: Penerbit YOI [Yayasan Obor Indonesia], Terjemahan.

Mohamed, Haji Muhaimin Haji. (2012). "Konsep Raja-raja Melayu di Brunei" dalam *Jurnal Darussalam*, Volume 12, ms.118-140.

Najtama, Fikria. (2018). "Perkembangan Islam di Brunei" dalam *TASAMUH: Jurnal Studi Islam,* Vol.10, No.2 [September], ms.407-421.

Nazaruddin, M. (2014). "Dimensi Pembentuk Kesadaran Identitas Keacehan dan Citra Diri Aceh" dalam *Masyarakat, Kebudayaan, dan Politik*, Vol.27, No.1, ms.44-54.

Niam, Muh Miftachun. (2011). "Sejarah Brunei Darussalam". Wujud secara online di: https://kakniam.files.wordpress.com/2011/04/sejarah_brunei_darussalam.pdf [diakses di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 16 September 2019].

Nicholl, Robert. (2002). "European Sources for the History of the Sultanate of Brunei in the Sixteenth Century", *Muzium Brunei: Special Publications,* No.9.

Nordin, Shah Rul Anuar bin. (2012). "Pemikiran Politik Islam di Aceh pada Abad ke-17 M: Kajian Perbandingan antara Kitab Taj al-Salatin, Sulalah al-Salatin, dan Bustan al-Salatin". *Tesis Ph.D. Tidak Diterbitkan.* Bangi: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Wujud secara online pula di: https://core.ac.uk/download/pdf/19100518.pdf [diakses di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 25 September 2019].

Nurdin. (2013). "Sekilas Sejarah Aceh Abad ke-16". Wujud secara online di: https://kebudayaan.kemdikbud.go.id/sekilas-sejarah-aceh-abad-ke-16-penulis-nurdin-s-sos-staf-pemugaran-bpcb-aceh-2 [diakses di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 9 September 2019].

Raditya, Iswara N. (2017). "Ketika Serambi Mekkah Diperintah para Sultanah" dalam *Tirto.Id,* pada 10 Juni. Wujud secara online pula di: https://tirto.id/ketika-serambi-mekkah-diperintah-para-sultanah-cqkW [diakses di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 9 September 2019].

Rahman, Zainuddin A. (1986). "Pokok-pokok Pemikiran Islam dan Masalah Kekuasaan Politik" dalam Miriam Budiardjo [ed]. *Aneka Pemikiran tentang Kuasa dan Wibawa.* Jakarta: Penerbit Sinar Harapan.

Rahman, Haji Abdul Karim bin Haji Abdul. (2016). "Sejarah Pengasasan dan Asal Usul Kerajaan Brunei Berdasarkan Sumber Lisan". *Tesis Ph.D. Tidak Diterbitkan*. Kuala Lumpur: Fakulti Sastera dan Sains Sosial. Wujud secara online pula di: http://studentsrepo.um.edu.my/6454/4/abdul_karim.pdf [diakses di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 9 September 2019].

Ricklefs, M.C. (2001). *A History of Modern Indonesia since c.1200*. Stanford: Stanford University Press.

Rukimin. (2014). "Kisah Dzulqarnain dalam Al-Qur'an Surat Al-Kahfi: 83-101 (Pendekatan Hermeneutik)" dalam *PROFETIKA: Jurnal Studi Islam,* Vol.15, No.2 [Desember], ms.138-159. Wujud secara online pula di: http://journals.ums.ac.id/index.php/profetika/article/viewFile/1995/1406 [diakses di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 2 September 2019].

Ruliyadi. (2011). "Brunei Darussalam Dibawah Kepemimpinan Sultan Bolkiah V, 1485-1524". *Skripsi Sarjana Tidak Diterbitkan.* Jakarta: Jurusan Sejarah dan Peradaban Islam, Fakultas Adab dan Humaniora UIN [Universitas Islam Negeri] Syarif Hidayatullah. Wujud secara online pula di: http://repository.uinjkt.ac.id/dspace/bitstream/123456789/1734/1/102598-RULIYADI-FAH.pdf [diakses di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 16 September 2019].

Said, Sanib. (1994). "Perang Kastila T.M. 1578: Suatu Penilaian Semula" dalam Haji Muhammad Abdul Latif, Haji Hashim Haji Mohd Noor & Haji Rosli Haji Ampal [eds]. *Brunei di Tengah-tengah Nusantara: Kumpulan Kertas Kerja Seminar Sejarah Brunei.* Bandar Seri Begawan: Jabatan Pusat Sejarah, ms.23-138.

Salleh, Siti Hawa binti Haji. (2010). *Bustan al-*


*© 2020 Minda Masagi Press, Bandung, Indonesia; and UBD, BS Begawan, Brunei Darussalam*
***p-ISSN 2302-5808** , **e-ISSN 2684-7388**, and **www.journals.mindamas.com/index.php/susurgalur***

*Salatin.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Saunders, Graham E. (2002). *A History of Brunei.* London: Routledge.

Shellabear, W.G. (1938). "An Outline of the Malay Annals Romanised Edition Singapore 1909" in *JMBRAS: Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society,* Vol.16, Pt.3, pp.1-226.

Shellabear, W.G. (1984). *Sejarah Melayu.* Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd, Terjemahan.

Sjamsuddin, Helius. (2014). *Metodologi Sejarah.* Yogyakarta: Penerbit Ombak.

Sudirman. (2013). "Pelajaran dari Kisah Meurah Pupok" dalam *INDONESIANA: Platform Kebudayaan*, pada 23 Desember. Wujud secara online pula di: https://kebudayaan.kemdikbud.go.id/bpnbaceh/pelajaran-dari-kisah-meurah-pupok/ [diakses di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 16 September 2019].

Sudrajat. (2012). "Konsep Dewa Raja dalam Negara Tradisional Asia Tenggara". *Makalah* disampaikan pada Workshop Mengajar dan Meneliti Asia Tenggara, Pusat Studi Asia Tenggara UGM [Universitas Gajah Mada], di Yogyakarta, pada 3-5 Juli. Wujud secara online pula di: http://staffnew.uny.ac.id/upload/132319840/lainlain/Sudrajat+UNY.pdf [diakses di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 2 September 2019].

Supriyono. (2011). "Konflik tentang Kepemimpinan Perempuan di Kesultanan Aceh Darussalam, Tahun 1641-1699". *Skripsi Sarjana Tidak Diterbitkan.* Yogyakarta: Jurusan Sejarah dan Kebudayaan Islam, Fakultas Adab dan Ilmu Budaya UIN [Universitas Islam Negeri] Sunan Kalijaga. Wujud secara online pula di: http://digilib.uin-suka.ac.id/12796/1/BAB%20I%2C%20V%2C%20DAFTAR%20PUSTAKA.pdf [diakses di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 25 September 2019].

Susanto, Heri. (2016). "Kolonialisme dan Identitas Kebangsaan Negara-negara Asia Tenggara" dalam *Sejarah dan Budaya,* Thn.X, No.2 [Desember], ms.144-155.

Suwirta, Andi. (2007). "Raja, Wakil Allah, dan Manusia Sempurna: Wacana Pemikiran Politik Islam di Asia Tenggara" dalam Abdul Razaq Ahmad & Andi Suwirta [eds]. *Sejarah dan Pendidikan Sejarah: Perspektif Malaysia dan Indonesia.* Bandung: Historia Utama Press.

Sweeney, P.L. Amin. (1968). "Silsilah Raja-raja Berunai" dalam *JMBRAS: Journal of the Malaysian Branch Royal Asiatic Society,* Vol. XLI, Pt.2, pp.1-82.

Tahir, Pengiran Haji Aji Mohd. (2007). *Syair Perang Kastila: Sebuah Ristaan.* Berakas: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, dan Kementerian Kebudayaan, Belia, dan Sukan.

Tahar, Muhammad Natsir. (2018). "Alexander di Tanah Melayu" dalam *KOMPASIANA: Beyond Blogging*, pada 26 November. Wujud secara online pula di: https://www.kompasiana.com/mntahar/5bfb5a64677ffb7efd1c56fc/alexander-di-tanah-melayu [diakses di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 2 September 2019].

Taufik. (2009). "Dzulkarnain dalam Al-Qur'an". *Skripsi Sarjana Tidak Diterbitkan.* Yogyakarta: Jurusan Perbandingan Agama, Fakultas Ushuluddin UIN [Universitas Islam Negeri] Sunan Kalijaga. Wujud secara online juga di: http://digilib.uin-suka.ac.id/3189/1/BAB%20I%2CV.pdf [diakses di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam: 2 September 2019].

Treacher, W.H. (1889). "British Borneo: Sketches of Brunei, Sarawak, Labuan, and North Borneo" in *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society,* Vol.XX[19-20], Pt.1, pp.13-74.

Van Langen, K.F.H. (2002). *Susunan Pemerintahan Aceh pada Masa Kesultanan.* Banda Aceh: Pusat Dokumentasi dan Informasi Aceh, terjemahan Aboe Bakar.

Wellen, K. & T. Mostert. (2020). "Royal Bruneian Letters from the Duth East India Company Archives" dlm Haji Awg Asbol bin Haji Mail, Ampuan Haji Brahim bin Ampuan Haji Tengah & Haji Tassim bin Haji Abu Bakar [eds]. *Kesultanan Brunei Darussalam: Koleksi Artikel Khas Disumbangkan kepada Yang Berhormat Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Profesor Kehormat (Dr.) Awg Haji Mohamad Jamil Al-Sufri.* Bandar Seri Begawan: Persatuan Sejarah Brunei.

Yunos, Rozan. (2016). "History of Brunei through Spanish Eyes, Part II" in *The Daily Brunei Resources*, on June 6. Available online also at: http://bruneiresources.blogspot.com/2016/06/history-of-brunei-through-spanish-eyes.html [accessed in Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, September 16, 2019].

Yusuf, P.M. (1975). "Adat Istiadat Diraja Brunei Darus-Salam" dalam *Brunei Museum Journal,* Volume 3(3), ms.43-108.

Zainuddin, H.M. (2012). *Tarikh Aceh dan Nusantara.* Banda Aceh: Penerbit LSKPM, edisi revisi.

Zed, Mestika. (2004). *Metode Penelitian Kepustakaan.* Jakarta: Penerbit YOI [Yayasan Obor Indonesia].






**Sultan Brunei dan Aceh**
(Sumber: http://www.rasmeinews.com dan https://steemit.com/aceh, 16/9/2019)

Konsep "daulat" dan "derhaka" sememangnya dipraktekkan di kedua-dua kesultanan Brunei dan Aceh tersebut. Perkara ini jelas melalui persamaan dalam kewujudan aspek *Khalifah Allah* yang membolehkan Sultan-sultannya dianggap berdaulat; serta mempunyai hubungan keturunan dengan dua tokoh Islam yang telah disebutkan, iaitu Nabi Muhammad SAW (*Salallahu Alaihi Wassalam*) dan Raja Iskandar Zulkarnain. Selain daripada dua aspek itu, kedaulatan Sultan-sultan Brunei dan Aceh sebagai *Khalifah Allah* juga dibuktikan dengan keadilan mereka dalam melaksanakan hukuman.


© 2020 Minda Masagi Press, Bandung, Indonesia; and UBD, BS Begawan, Brunei Darussalam
p-ISSN 2302-5808 , e-ISSN 2684-7388, and www.journals.mindamas.com/index.php/susurgalur